

Warga tua cabul budak dipenjara 10 tahun

BHARAN 11/2018 MS 19

Kuala Terengganu: Seorang warga tua pengasas sebuah TASKA dijatuhi hukuman penjara 10 tahun di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, kerana melakukan serangan seksual terhadap kanak-kanak perempuan.

Selain itu, tertuduh berusia 67 tahun itu turut diarahkan menjalani kaunseling pemulihan ketika menjalani hukuman penjara dan diletakkan di bawah pengawasan polis untuk tempoh dua tahun selepas selesai menjalani hukuman penjara.

Hukuman itu diputuskan Hakim Azman Mustapha selepas tertuduh didapati bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 14 (d) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan serangan seksual fizikal terhadap mangsa ketika berusia enam tahun dengan melakukan perbuatan tidak senonoh di sebuah

TASKA di daerah ini antara jam 1 tengah hari hingga 2 petang pada 28 Ogos 2017.

Bagi kesalahan itu, tertuduh berdepan penjara sehingga 20 tahun dan boleh disebut jika sabit kesalahan.

Mengadu kepada bapa

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya, Syazwani Zawawi, manakala tertuduh diwakili peguam, Mohd Hayyattuddin Muhamad.

Mengikut fakta kes, mangsa mengadu kepada bapanya yang dia tidak mahu pergi ke TASKA berkenaan ketika mereka dalam perjalanan jam 7.45 pagi pada 29 Ogos 2017.

Mangsa memaklumkan tertuduh sering melakukan perbuatan tidak senonoh kepadanya. Bapa mangsa kemudian berjumpa tertuduh untuk bertanya mengenai kejadian itu.

Bapa mangsa membuat laporan polis selepas tertuduh mengaku melakukan perbuatan itu.

[FOTO ZATUL IFFAH ZOLKIPLY/BH]



Warga tua dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, semalam.